MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR
WISMA MPKK, JALAN SULTAN NAZRIN, 33000 KUALA KANGSAR, PERAK

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR DAN PERKHIDMATAN MEMBEKAL BARANGAN HYGIENE BAGI TEMPOH 1 JANUARI 2027 – 31 DISEMBER 2028

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada Penyebutharga-Penyebutharga yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN** di bawah kod bidang bekalan/perkhidmatan yang berkaitan **SUB-KEPALA 221001 ATAU 221002 ATAU 221003** yang masih sah dan berkuatkuasa.

2. Sebutharga ini adalah seperti Jadual di bawah:

BIL.	TARIKH JUALAN DOKUMEN/ MASA	LOKASI	TEMPOH KONTRAK
1.	**10.11.2026 (Selasa) hingga 17.11.2026 (Selasa)** **MASA JUALAN DOKUMEN :** 8.30 pagi hingga 4.00 petang (Isnin hingga Jumaat) **MASA REHAT :** 1.00 tengah hari hingga 2.00 petang **kecuali** **Jumaat** (12.15 tengah hari – 2.45 petang)	**a) PEJABAT WISMA MPKK - Kuala Kangsar** **b) PEJABAT ANNEX MPKK - Kuala Kangsar** **c) PEJABAT SATELIT MPKK - Sungai Siput** **HARGA DOKUMEN : RM50.00 (TUNAI)** **No. Sebutharga : SH(P)70/2026**	**(2 TAHUN)** 1 JANUARI 2027 HINGGA 31 DISEMBER 2028

3. Dokumen Sebut harga dijual mulai **10.11.2026 (Selasa) hingga 17.11.2026 (Selasa)** di **Jabatan Khidmat Pengurusan Tingkat 2, Wisma MPKK Jalan Sultan Nazrin Shah, 33000 Kuala Kangsar, Perak** jam **8.30 pagi - 4.00 petang** semasa waktu bekerja sahaja. Bayaran pembelian dokumen adalah berbentuk **TUNAI** dan bil boleh didapati semasa pembelian dokumen dibuat. Permohonan sebut harga hendaklah dihantar sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari **17 11.2026 (SELASA)**

4. Semasa permohonan, Penyebutharga-Penyebutharga hendaklah mengemukakan salinan dokumen-dokumen berikut:

   a. Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
   b. Sijil Kementerian Kewangan (**Kod Bidang Bekalan 221001 Atau 221002 Atau 221003** Kerja Yang Diluluskan
   c. Kelulusan Pendaftaran Di Bawah Seksyen 13 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (SST) (Jika berkaitan)
   d. Penyata Kewangan Syarikat bagi 3 bulan terkini
   e. Sijil Pematuhan Cukai (TCC)

5. Tawaran sebut harga **tidak akan dipertimbangkan** sekiranya:
   a. Penyebutharga **LEWAT** mengemukakan tawaran sebut harga sama ada secara manual
   b. Penyebutharga **GAGAL** mengemukakan **dokumen wajib** seperti yang dinyatakan dalam Dokumen dan Borang Sebut Harga.

6. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar **tidak terikat** untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebutharga.

7. Borang Sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri bertanda "**TAWARAN PERKHIDMATAN MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR DAN PERKHIDMATAN MEMBEKAL BARANGAN HYGIENE BAGI 1 JANUARI 2027 – 31 DISEMBER 2028** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari 17.11.2026 (Selasa)** ke dalam Peti Tawaran Sebut harga yang disediakan di Lobi Wisma MPKK.

Sekian, terima kasih.

(DR. SAKDUDDIN BIN ZAMLI)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar